Teras Strategik 1

Membiayai transformasi ekonomi Malaysia

Malaysia meneruskan transformasinya untuk menjadi ekonomi yang berpendapatan tinggi dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Oleh itu, satu ekosistem pendanaan yang memberangsangkan dan berdaya tahan adalah penting. Sektor kewangan perlu memberikan tumpuan pada usaha menyediakan sokongan yang berterusan dalam melaksanakan pemulihan yang mampan untuk tempoh terdekat. Di samping itu, landskap pembiayaan dan pelaburan perlu berkembang supaya dapat menyokong model pertumbuhan ekonomi yang dinamik yang diterajui oleh nilai inovasi, dengan syarikat berproduktiviti tinggi dan berdaya saing pada peringkat antarabangsa.

Bagi tujuan ini, Bank akan melaksanakan tiga strategi (lihat Gambar Rajah 1 untuk gambaran keseluruhan):

Gambar Rajah 1:
Membiayai transformasi ekonomi Malaysia



A

Mengekalkan pemulihan ekonomi yang kukuh

- Memperkukuh langkah-langkah kitaran balas supaya akses kepada pembiayaan berterusan
- Menyediakan langkah-langkah sokongan kepada peminjam yang menghadapi kesukaran menguruskan beban hutang
- Memberikan peluang kedua kepada peminjam yang tidak berdaya maju



B

Memudahkan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi

- Meneruskan dan mengembangkan ekosistem kewangan alternatif dan infrastruktur sokongannya
- Memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan dan kerjasama untuk menggalakkan pembangunan kewangan bukan hutang
- Memperteguh ekosistem kewangan bagi pertumbuhan yang mampan dan inklusif untuk perusahaan mikro



C

Memastikan peranan pengantaraan kewangan berdaya tahan selepas pandemik

- Memelihara keupayaan pendanaan dalam jangka panjang
- Memperkukuh pasaran kewangan yang memberangsangkan dan berdaya tahan untuk bertindak sebagai penyerap risiko

Strategi 1A
Mengekalkan pemulihan ekonomi yang kukuh

Pemulihan yang cepat dan teguh daripada pandemik adalah sangat penting. Walaupun keadaan ekonomi bertambah baik, kemajuan mungkin tidak sekata, dengan kehidupan dan sumber pendapatan rakyat Malaysia barangkali terus berada dalam keadaan yang mencabar.

Sektor kewangan mempunyai keupayaan untuk terus menyokong pemulihan ekonomi yang lebih luas, khususnya, isi rumah dan perniagaan yang terjejas. Tumpuan strategi Bank adalah untuk memastikan peminjam yang berdaya maju terus mendapat akses kepada kewangan, dan pada masa yang sama membantu peminjam yang tidak berdaya maju mendapatkan pengaturan penyelesaian yang teratur. Dalam mempertimbangkan strategi-strategi ini, Bank juga akan mendukung prinsip kewangan berasaskan nilai, iaitu menggabungkan objektif keuntungan dengan tanggungjawab sosial bagi mewujudkan impak positif kepada ekonomi, masyarakat dan alam sekitar.

Bagi tujuan ini, Bank akan melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

i. Memperkukuh langkah-langkah kitaran balas supaya akses kepada pembiayaan berterusan;
ii. Menyediakan langkah-langkah sokongan kepada peminjam yang menghadapi kesukaran menguruskan beban hutang; dan
iii. Memberikan peluang kedua kepada peminjam yang tidak berdaya maju.



i Memperkukuh langkah-langkah kitaran balas supaya akses kepada pembiayaan berterusan

- Bank akan mengkaji semula **ekosistem jaminan kredit**, jika perlu, untuk memastikan ekosistem tersebut menyokong pembiayaan. Situasi pandemik telah menekankan kepentingan kemudahan jaminan bagi memastikan kelangsungan pemberian pinjaman dalam keadaan yang tidak menentu. Bank akan bekerjasama dengan industri dan Kerajaan untuk memperluas keupayaan penyedia jaminan, termasuk CGC dan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP), untuk menyokong keperluan pembiayaan yang berkembang bagi segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Ini termasuk menyokong syarikat bersaiz sederhana untuk membuat pelaburan yang boleh meningkatkan kapasiti produktif, serta memberikan kredit yang telah ditambah baik untuk pelanggan baharu bank dan syarikat-syarikat inovatif dalam sektor pertumbuhan tinggi. Seterusnya, Bank akan mempertimbangkan untuk membuat penyelarasan ke atas mandat, kesanggupan mengambil risiko dan ciri-ciri produk setiap penyedia jaminan mengikut keperluan segmen sasaran mereka. Langkah ini adalah untuk menangani sebarang lebihan dan pertindihan dalam ekosistem jaminan.

- Bank akan menyasarkan untuk menangani keperluan industri terhadap **data berpandangan ke hadapan (*forward-looking data*)** dan data alternatif untuk menambah baik pembiayaan kepada segmen-segmen sasaran, terutamanya kepada mereka yang mempunyai rekod kredit yang terhad. Keadaan yang luar biasa dan langkah-langkah sokongan dasar semasa pandemik telah menjejaskan dengan ketara kebolehpercayaan maklumat kredit dan bukan kredit terdahulu dalam menyediakan prospek risiko. Selain itu, tumpuan semata-mata pada data terdahulu juga menyukarkan peminjam yang tidak mempunyai sejarah kredit untuk mendapatkan pembiayaan. Bagi menangani perkara ini, Bank akan memudahkan akses bank-bank kepada **rangkaian sumber data yang lebih meluas mengenai peminjam**, seperti maklumat pembayaran masa nyata dan instrumen analisis. Hal ini bagi membolehkan bank-bank mendapatkan pandangan yang lebih menyeluruh dan boleh diramal mengenai kapasiti kredit dan kualiti peminjam. Selain memanfaatkan maklumat transaksi, Bank juga akan bekerjasama dengan industri untuk meneroka aplikasi model dan instrumen tingkah laku yang lebih luas, seperti penilaian psikometrik, untuk menyokong pengunderaitan kredit. Bagi memacu semua usaha ini, Bank akan memudahkan pelaksanaan standard bersama untuk membolehkan pertukaran data dalam dan luar sektor kewangan. Bank juga akan mengukuhkan rangka kerja tadbir urus data digital bagi memastikan penggunaan data yang bertanggungjawab dan beretika, termasuk melalui perlindungan yang sesuai seperti rangka kerja keizinan.

- Bank akan mengukuhkan peranan institusi kewangan pembangunan (IKP) untuk **merapatkan jurang pembiayaan** bagi sektor-sektor ekonomi yang strategik dan segmen-segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan melalui langkah-langkah yang berikut:

  - Pertama, Bank akan bekerjasama rapat dengan Kerajaan bagi menyiapkan **penstrukturan semula industri IKP** berjaya disiapkan. Pembaharuan berbilang tahun yang diumumkan pada tahun 2019 ini akan menyaksikan penyatuan industri yang didorong oleh dua matlamat utama. Pertama, pembaharuan tersebut akan memperkenalkan struktur tadbir urus yang teguh dan mantap bagi mengukuhkan akauntabiliti dan ketelusan IKP sebagai institusi awam serta memastikan pelaksanaan mandat masing-masing dengan berkesan. Penstrukturan semula ini juga bertujuan untuk mewujudkan IKP dengan skala ekonomi yang lebih besar dan kepelbagaian portfolio yang lebih meluas untuk mengurus risiko dengan lebih baik. Hal ini akan membolehkan peruntukan modal dan sumber yang lebih cekap bagi membiayai segmen-segmen sasaran utama dan sejajar dengan keutamaan pembangunan negara, termasuk bidang pertumbuhan yang dikenal pasti di bawah RMKe-12.

  - Kedua, Bank akan terus melaksanakan **rangka kerja pengukuran prestasi** untuk IKP yang dimulakan pada tahun 2018. Dalam rangka kerja ini, penunjuk keputusan utama yang berorientasikan pembangunan merupakan

sebahagian daripada penilaian penyeliaan Bank untuk menggambarkan impak sosioekonomi operasi IKP dengan lebih baik. Contoh penunjuk sedemikian termasuk jumlah pembiayaan yang diluluskan kepada peminjam kali pertama, pekerjaan baharu yang diwujudkan melalui projek yang dibiayai, dan dana yang dijana daripada sektor swasta untuk segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan atau segmen pertumbuhan baharu. Yang penting, penunjuk keputusan utama ini adalah bersifat dinamik dan dijangka berubah dari semasa ke semasa selaras dengan keutamaan ekonomi pada masa itu serta bidang tumpuan IKP. Sebagai institusi awam, IKP perlu terus menambah baik kaedah mereka melaporkan sumbangan mereka terhadap ekonomi, sebagai sebahagian daripada komitmen yang berterusan untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam melaksanakan mandat mereka. Hal ini akan menggalakkan pasaran yang lebih cekap dalam peruntukan sumber ekonomi bagi mengoptimumkan potensi pertumbuhan Malaysia.

ii Menyediakan langkah-langkah sokongan kepada peminjam yang menghadapi kesukaran menguruskan beban hutang

- Bank akan membantu menyediakan **sokongan bersasar kepada segmen yang mudah terjejas** yang memerlukan lebih masa untuk pulih daripada masalah aliran tunai. Hal ini penting bagi meminimumkan impak negatif yang berkekalan akibat pandemik. Bank mengakui bahawa segmen tertentu yang mudah terjejas, merangkumi individu dan perniagaan, mungkin memerlukan bantuan bayaran balik jangka panjang untuk memenuhi obligasi pembiayaan mereka. Bagi menyokong kumpulan ini, Bank akan bekerjasama dengan AKPK dan bank-bank untuk memastikan pelaksanaan langkah bantuan bayaran balik yang berkesan di bawah Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (URUS) dan Skim Sokongan Daya Tahan Kewangan (PERTAMA). Di bawah program-program ini, peminjam yang layak dan terkesan akibat pandemik daripada segmen B50[1] yang mudah terjejas, termasuk individu dan perusahaan mikro, boleh memohon bantuan lanjut bayaran balik pinjaman. Bagi URUS, bank-bank secara kolektif telah memperuntukkan RM1 bilion bagi membiayai kos pengurangan faedah/keuntungan untuk pelaksanaan program. Pada masa yang sama, Bank akan terus menjalin kerjasama dengan industri kewangan dan AKPK bagi mengukuhkan lagi ekosistem pembiayaan untuk PKS yang mudah terjejas. Dalam hal ini, Bank akan memastikan akses berterusan untuk mendapatkan maklumat, nasihat kewangan dan bantuan penyelesaian melalui saluran yang berkesan. Bank juga akan meningkatkan usaha jangkauan dan libat urus untuk menangani keperluan serta meningkatkan kekukuhan kewangan keseluruhan perniagaan yang mudah terjejas.

- Bank akan menggalakkan tawaran **penyelesaian kewangan campuran *(blended finance)*** sebagai pemangkin kepada pemulihan perniagaan-perniagaan yang terjejas. Instrumen kewangan campuran menggabungkan sumber-sumber dana yang berbeza, seperti dana dermawan (*philanthropic funds*) dan pembiayaan bank tradisional, bagi mengurangkan kos pembiayaan syarikat dan mengurangkan leveraj. Bank mengambil maklum bahawa sesetengah bank telah pun bekerjasama dengan penyedia kewangan ekuiti untuk merintis skim kewangan campuran. Pada masa hadapan, Bank akan bekerjasama dengan industri kewangan dan pihak berkepentingan lain untuk meningkatkan lagi tawaran penyelesaian seperti ini. Bank juga akan menyediakan pendanaan konsesi khas supaya bank-bank dapat memanfaatkan dan meningkatkan tawaran penyelesaian kewangan campuran.

[1] Peminjam dengan pendapatan isi rumah kasar sebanyak RM5,880 atau lebih rendah, berdasarkan takrifan Jabatan Perangkaan Malaysia.

iii Memberikan peluang kedua kepada peminjam yang tidak berdaya maju

Sokongan terhadap pemulihan ekonomi yang menyeluruh tidak terhad pada usaha membantu peminjam yang berdaya maju untuk bertahan. Usaha ini juga termasuk melaksanakan dasar bagi membantu peminjam yang tidak berdaya maju menerusi strategi keluar yang cekap dan teratur, sambil memastikan hak mereka dilindungi dengan sewajarnya

- Bank akan bekerjasama rapat dengan industri perbankan, AKPK, Jabatan Insolvensi Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk menyokong usaha memudahkan **rejim insolvensi bagi PKS**, terutamanya perusahaan mikro. Pendekatan yang bersasar ini mencerminkan pemerhatian utama semasa pandemik, yang menunjukkan perusahaan mikro merupakan penyumbang kepada sebahagian besar penutupan perniagaan di Malaysia[2]. Penambahbaikan kepada rangka kerja insolvensi semasa diperlukan bagi mengurangkan masa dan kos keseluruhan untuk menyelesaikan prosiding insolvensi, yang mungkin memberikan kesan yang tidak wajar kepada perusahaan mikro. Sebagai sebahagian daripada proses tersebut, Bank akan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi keusahawanan dengan memudahkan dan mengurangkan kos untuk PKS keluar dan memulakan semula usaha niaga. Hal ini juga akan membolehkan pemberi pinjaman untuk mempercepat usaha menggembleng dan melabur semula baki dana perniagaan, seperti melalui pelupusan aset yang selebihnya, ke dalam usaha niaga dan projek baharu.

- Bank akan memantapkan rangka kerja pengawalseliaan yang mengawal **penjualan dan pembelian pembiayaan terjejas**. Bank akan berusaha untuk menghapuskan keperluan had ekuiti asing sedia ada untuk pembeli bagi menarik penyertaan yang lebih besar ke dalam pasaran, terutamanya daripada peserta antarabangsa yang mapan. Dengan pasaran pembeli yang lebih pelbagai, bank-bank akan dapat menguruskan pembiayaan terjejas dengan cara yang lebih cekap. Inisiatif ini akan terus tertakluk pada syarat-syarat yang melindungi hak peminjam terjejas dengan sewajarnya dan mengekalkan peluang yang adil untuk mereka menyelesaikan hutang mereka. Pembeli pembiayaan terjejas bukan bank akan dikehendaki memenuhi kriteria kelayakan tertentu, contohnya, bukti rekod prestasi amalan pemulihan hutang yang adil. Semua pembeli juga mestilah mematuhi keperluan amalan yang ketat setelah membeli pembiayaan terjejas.

Strategi 1B
Memudahkan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi

Untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi, Malaysia perlu mempunyai sektor swasta yang memberangsangkan dan inovatif, yang boleh bertindak balas terhadap cabaran dan merebut peluang pertumbuhan baharu. Oleh itu, negara perlu memupuk syarikat yang lebih berteraskan pengetahuan, inovasi dan teknologi. Pada peringkat kebangsaan, usaha telah dibuat untuk melaksanakan pembaharuan yang berani dan komprehensif dalam bidang ini, seperti yang dilihat melalui penggunaan dasar NIA pada tahun 2021. NIA, yang kini menjadi asas dasar pelaburan Malaysia, dijangka memacu pertumbuhan jangka panjang negara dengan membina keupayaan inovasi serta menarik pelaburan berkualiti dan mampan ke dalam bidang pertumbuhan baharu. Hal ini seterusnya menggalakkan pewujudan pekerjaan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan mengukuhkan jalinan dalam negeri.

[2] Menurut Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives, MEDAC) pada bulan September 2021, lebih 37,000 perniagaan Malaysia telah ditutup sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pada tahun 2020 dan daripada jumlah itu, lebih 26,000 atau hampir 70% terdiri daripada perusahaan mikro.

Secara umumnya, pembiayaan berasaskan hutang tradisional yang dibiayai daripada deposit bank lebih sesuai untuk syarikat-syarikat dengan bayaran balik berkala dan risiko yang difahami dengan baik. Walau bagaimanapun, kebergantungan pada jenis pembiayaan ini sahaja mungkin tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan yang pelbagai merentas kitaran hayat pendanaan syarikat pertumbuhan. Hal ini berlaku terutamanya untuk syarikat yang inovatif dan terlibat dalam usaha niaga pertumbuhan baharu atau proses transformasi perniagaan. Sebagai contoh, syarikat sedemikian mungkin beroperasi dalam industri yang baru muncul dan mungkin kekurangan sejarah kredit yang terbukti atau aliran hasil yang boleh dijangka. Profil syarikat sedemikian selalunya bersifat 'mudah pindah keupayaan dan sumber' (*asset light*), iaitu mereka melabur lebih banyak dalam harta intelek (*intellectual property, IP*) dan perisian, berbanding dengan aset nyata yang selalunya digunakan sebagai cagaran untuk pembiayaan daripada bank.

Bank juga ambil maklum akan risiko jangka panjang terhadap sistem kewangan yang mungkin wujud daripada ekosistem kewangan alternatif yang kurang berkembang, terutamanya peningkatan kebergantungan dan penumpuan pembiayaan dalam sistem perbankan. Hal ini boleh membawa kepada leveraj korporat yang tidak mampan dan pengambilan risiko berlebihan oleh bank-bank yang boleh menimbulkan implikasi sistemik.

Pada masa hadapan, akses yang lebih meluas kepada pelbagai instrumen pendanaan adalah penting untuk menyokong pertumbuhan syarikat sedemikian dan menggalakkan kestabilan kewangan jangka panjang. Penyelesaian kewangan alternatif, termasuk instrumen berasaskan hutang dan ekuiti, akan memainkan peranan penting dalam menyokong pembiayaan berasaskan hutang yang diterajui bank untuk mendanai ekonomi merentas kitaran hayat perniagaan syarikat. Instrumen ini termasuk struktur kuasi-ekuiti, kewangan bersandarkan aset, aplikasi penyelesaian pembiayaan berasaskan perdagangan yang diperluaskan, aplikasi penyelesaian pembiayaan berasaskan perdagangan yang diperluaskan, pemerolehan dana berasaskan ekuiti melalui internet *(equity crowd funding*, ECF), dan pinjaman dari rakan ke rakan (*peer-to-peer, P2P*), pembiayaan modal usaha niaga (VC) dan pelaburan ekuiti melalui pelabur tidak formal (*angel investors*).



Gambar Rajah 2:
Sumber pendanaan yang tersedia untuk perniagaan mengikut peringkat perkembangan



Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti

Rajah 1:
Pasaran kewangan alternatif[1] Malaysia kekal kecil, berbanding pasaran setara serantau dan pasaran maju



Data adalah daripada 2018

[1] Kewangan alternatif dalam carta ini merangkumi pembiayaan pajakan dan pemfaktoran yang disediakan oleh pihak bank dan bukan bank, modal usaha niaga, ekuiti swasta, pinjaman P2P and ECF

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Organisation for Economic Co-operation and Development

Memandangkan pertumbuhan ekosistem kewangan alternatif memerlukan kerjasama dan komitmen yang erat merentas pihak berkepentingan yang berkaitan, Bank akan terus bekerjasama secara aktif dengan SC dan rakan kongsi ekosistem lain yang relevan, serta peserta industri.

Bank juga akan mengkaji semula landskap pembiayaan mikro bagi membantu syarikat-syarikat yang lebih kecil untuk terus pulih daripada pandemik melalui peluang penjanaan pendapatan yang lebih besar.

Bagi tujuan ini, Bank akan melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

i. Meneruskan dan mengembangkan ekosistem kewangan alternatif dan infrastruktur sokongannya;
ii. Memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan dan kerjasama untuk menggalakkan pembangunan kewangan bukan hutang; dan
iii. Memperteguh ekosistem kewangan bagi pertumbuhan yang mampan dan inklusif untuk perusahaan mikro.



Selain pembiayaan bank berasaskan hutang yang tradisional, sumber dan instrumen pembiayaan alternatif yang lebih pelbagai diperlukan bagi memenuhi keperluan syarikat yang dinamik

i Meneruskan dan mengembangkan ekosistem kewangan alternatif dan infrastruktur sokongannya

- Bank akan menggalakkan institusi kewangan meneroka **kewangan sosial** dalam model perniagaan mereka. Kewangan sosial merujuk model perniagaan kewangan yang memberikan tumpuan pada hasil sosial dan menggunakan instrumen yang diiktiraf, seperti derma dan wakaf tunai, untuk menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan serta menjana pendapatan yang mampan kepada penerima. Kewangan sosial dijangkakan dapat meningkatkan daya tahan masyarakat melalui peruntukan dana serta perlindungan kewangan yang mampu dibayar balik dan boleh diakses. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kewangan sosial telah diperkenalkan ke dalam pasaran melalui penggabungan modal dermawan (*philanthropic capital*) dengan sumber-sumber dana yang lain. Hal ini membolehkan penghasilan produk kewangan yang mempunyai ciri-ciri seperti kos pembiayaan yang lebih rendah dan syarat bayaran balik yang fleksibel bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan dan perlindungan untuk usahawan mikro dan isi rumah. Berdasarkan perkembangan setakat ini, Bank akan meluaskan penggunaan penyelesaian sedemikian bagi menangani keperluan sosioekonomi yang lain, seperti perumahan dan penjagaan kesihatan yang mampu diperoleh. Dalam hal ini, Bank akan terus menyesuaikan rangka kerja pengawalseliaan untuk memenuhi objektif kestabilan kewangan, di samping terus menggalakkan kewangan yang inovatif dan bertanggungjawab dari segi sosial.

- Bank akan menyokong dan meningkatkan **infrastruktur** baharu dan sedia ada yang menyediakan asas yang diperlukan untuk mempercepat pertumbuhan ekosistem kewangan alternatif:

- Pertama, Bank akan terus bekerjasama rapat dengan agensi berkaitan, termasuk SSM, untuk menyokong usaha meluaskan asas cagaran bagi pembiayaan PKS, termasuk melalui pewujudan **daftar cagaran berpusat (*centralised collateral registry*)**. Daftar ini diharap dapat menjadi pusat pendaftaran sehenti bagi semua kepentingan bercagar dalam aset, termasuk harta alih dan IP, supaya diterima pakai sebagai cagaran, yang seterusnya menyokong penilaian kredit yang lebih dipercayai. Dengan ketelusan yang lebih tinggi, penyedia kewangan akan dapat menapis kepentingan cagaran yang bersaing bagi aset tertentu sebelum memberikan pembiayaan. Hal ini akan mengurangkan insiden pertikaian mengenai hak ke atas harta. Dengan akses kepada cagaran yang lebih berwibawa dan boleh dipercayai, PKS akan mendapat manfaat kerana mereka boleh memaksimumkan nilai aset yang nyata dan tidak nyata untuk mendapatkan pembiayaan tambahan.

- Kedua, Bank akan bekerjasama dengan CGC untuk meningkatkan lagi liputan dan keberkesanan **rujukan kepada pembiayaan alternatif melalui platform imSME**. Platform imSME merupakan platform pembiayaan dan rujukan pinjaman PKS dalam talian yang membuat padanan antara PKS dengan penyedia pembiayaan, termasuk pemberi pinjaman kewangan alternatif. Sejak beberapa tahun kebelakangan, platform ini telah menyaksikan peningkatan penyertaan daripada pelbagai peserta kewangan alternatif, termasuk penyedia pemfaktoran, dana VC, ECF dan syarikat P2P. Bagi meningkatkan lagi keluasan dan kedalaman penyedia kewangan di platform imSME, Bank akan mewajibkan PKS yang tidak layak untuk pembiayaan bank dirujuk kepada pembiaya alternatif. Dengan langkah ini, Bank berharap kesedaran dan penggunaan kewangan alternatif dalam kalangan PKS akan meningkat dengan kadar lebih cepat.

- Bank akan terus memainkan peranan untuk **memberikan khidmat nasihat dan memaklumkan dasar Kerajaan** dalam usaha memajukan pembangunan kewangan alternatif, termasuk dalam bidang-bidang yang berikut:

  - Mengkaji semula **rangka kerja percukaian** untuk instrumen kewangan alternatif. Bank akan bekerjasama dengan agensi dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk mengkaji kesan reka bentuk dasar cukai korporat sedia ada ke atas instrumen-instrumen berasaskan hutang dan ekuiti. Melalui kajian ini, Bank meletakkan sasaran untuk beralih ke arah rejim cukai yang lebih saksama bagi kewangan hutang dan ekuiti yang akan menggalakkan pertumbuhan kewangan alternatif. Bank berpandangan bahawa kajian sedemikian adalah tepat pada masanya, memandangkan kecenderungan semasa ke arah kewangan hutang susulan rangka kerja cukai sedia ada, boleh meningkatkan risiko kepada kestabilan makroekonomi. Pada masa yang sama, kecenderungan terhadap kewangan hutang juga boleh menyebabkan diskriminasi yang tidak sewajarnya kepada syarikat inovatif yang mungkin lebih sesuai untuk pembiayaan ekuiti.

    Selain itu, Bank juga akan membantu mamajukan rejim cukai yang lebih kondusif untuk penyedia pajakan. Di bawah peraturan sedia ada, aktiviti pemajakan dianggap sebagai sumber perniagaan yang berbeza dan berasingan. Hal ini menyebabkan beban cukai yang lebih tinggi ke atas syarikat pemajakan, lantas menghalang pertumbuhan pasaran tersebut. Melalui pindaan yang berkaitan ke atas perundangan sedia ada, beban cukai ini mampu dikurangkan. Usaha ini seterusnya akan menggalakkan penggunaan pajakan dalam kalangan PKS, terutamanya untuk pemerolehan mesin dan peralatan.

  - Menyokong **syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (*goverment-linked investment companies*, GLICs) dan IKP** dalam usaha mempercepatkan pembangunan ekosistem kewangan alternatif yang menyeluruh. Khususnya, terdapat peluang untuk GLICs untuk menjadi pelengkap kepada pembiayaan bank melalui meningkatkan tumpuan mereka pada pelaburan pembangunan dan pemangkin, sama ada secara langsung melalui pemegangan dalam ekuiti swasta domestik, atau secara tidak langsung melalui pelaburan dalam ekuiti atau platform P2P. Di samping itu, kajian[3] menunjukkan bahawa penyertaan pelabur

[3] Sumber: Cambridge Centre for Alternative Finance (2021): "The 2nd Global Alternative Finance Market Benchmarking Report".

institusi, seperti GLICs, memainkan peranan penting dalam pertumbuhan sektor kewangan alternatif bagi mencapai skala pasaran yang sewajarnya. Pada masa hadapan, Bank akan menyokong dasar yang memudahkan penglibatan GLICs dan IKP dalam kewangan alternatif, dan pada masa yang sama membolehkan mereka terus memenuhi mandat pelaburan dan pembiayaan mereka yang sedia ada.

- Penggunaan instrumen pembiayaan berasaskan perdagangan yang lebih meluas, termasuk **program pembiayaan rantaian bekalan**, sebagai satu bentuk pembiayaan alternatif untuk pembeli korporat besar dan vendor mereka yang layak. Program sedemikian membolehkan vendor ini, yang selalunya terdiri daripada PKS, menerima bayaran segera untuk barangan dan perkhidmatan yang dibekalkan kepada pembeli, melalui penjualan invois kepada institusi kewangan. Dengan proses pengurusan aliran tunai yang lebih berkesan, vendor kecil boleh mengukuhkan daya tahan dan prospek pertumbuhan mereka. Bank juga akan menyokong usaha korporat untuk bekerjasama dengan sektor kewangan bagi menggalakkan reka bentuk dan tawaran penyelesaian kewangan rantaian bekalan kepada vendor mereka.

Gambar Rajah 3:
Proses permohonan pembiayaan yang lancar melalui platform dalam talian imSME dengan pelbagai pilihan penyedia pembiayaan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 4:
Keperluan ekosistem untuk membangunkan pembiayaan alternatif

Syarikat yang boleh dilabur	Pengantara	Pelabur
Secara relatif, skala PKS tempatan masih kecil - risiko pulangan tidak sepadan dengan mandat pelaburan pelabur institusi besar	*Keperluan terhadap pengantaraan yang lebih meluas - penglibatan pengantara yang lebih banyak dengan jumlah yang besar*	*Kumpulan pelabur yang terhad – tidak sanggup mengambil risiko, dan penyertaan terhad daripada institusi besar*

Infrastruktur maklumat

Peluang untuk menambah baik ketelusan maklumat dan mengurangkan maklumat yang tidak simetri

Tenaga mahir

Kumpulan tenaga mahir yang terhad dalam bidang pembiayaan alternatif yang baru muncul, khususnya VC dan ekuiti swasta – lebih usaha bersepadu diperlukan untuk memupuk dan mengembangkan tenaga mahir tempatan

Insentif bersasar

Penjajaran yang lebih baik dan pelaksanaan insentif yang lebih berkesan bagi memudahkan tingkah laku yang diperlukan dalam ekosistem

Sumber: Bank Negara Malaysia



ii Memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan dan kerjasama untuk menggalakkan pembangunan kewangan bukan hutang

- Bank akan meneroka langkah-langkah untuk memudahkan bank-bank menawarkan **penyelesaian kewangan bukan berasaskan hutang**, termasuk melalui penyediaan penyelesaian berasaskan ekuiti dan melalui perkongsian dengan penyedia kewangan bukan berasaskan hutang yang lain. Bank mengalu-alukan minat industri untuk menawarkan penyelesaian sedemikian dan akan bekerjasama rapat dengan industri dan pihak berkepentingan yang berkaitan bagi menangani dua cabaran sedia ada yang dihadapi oleh bank-bank:
  - Pertama, Bank akan memastikan **rangka kerja pengawalseliaan** Bank tidak menimbulkan halangan yang tidak wajar untuk penyertaan bank-bank dalam kewangan bukan hutang. Oleh itu, Bank akan mengkaji semula aspek berkaitan rangka kerja kawal selia bagi menyokong penyertaan bank-bank secara produktif dan berkesan, yang terus konsisten dengan natijah kestabilan kewangan.
  - Kedua, Bank akan menyokong industri perbankan untuk **bekerjasama secara aktif dengan peserta industri dalam ekosistem perniagaan permulaan**, melalui pendanaan formal dan pengembangan program inkubasi dan pemangkin (*accelerator programmes*). Melalui kerjasama yang lebih erat dengan peserta industri, bank-bank akan dapat meningkatkan pemahaman mereka tentang bidang pertumbuhan baharu dan memudahkan penilaian yang lebih tepat terhadap profil risiko syarikat dalam sektor ini. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah dan Singapura, bank-bank telah bekerjasama dengan pelabur institusi untuk menyediakan penyelesaian hutang usaha niaga (*venture debt solutions*) bagi syarikat sebagai cara untuk usahawan pengasas memperoleh dana tanpa perlu menjual ekuiti saham.
- Bank akan bekerjasama rapat dengan SC untuk meningkatkan usaha membangunkan **ekosistem pendanaan domestik yang komprehensif**. Memandangkan tawaran kewangan bukan berasaskan hutang sering melibatkan institusi kewangan dan pengantara pasaran modal, Bank komited untuk memastikan usahanya dan SC dalam bidang ini diselaraskan dengan strategik. Untuk mencapai matlamat ini, Bank akan mewujudkan suatu platform antara agensi yang khusus, bersama-sama peserta industri, untuk menyelaras dan menerajui pembangunan pasaran kewangan alternatif.

> Bank akan bekerjasama rapat dengan pengawal selia dan peserta industri lain bagi memastikan pembangunan pasaran kewangan alternatif yang menyeluruh

iii Memperkukuh ekosistem kewangan untuk perusahaan mikro bagi mencapai pertumbuhan yang mampan dan inklusif

- Bank akan mengkaji semula dan menambah baik ekosistem pembiayaan mikro, termasuk **Skim Pembiayaan Mikro (SPM)**. SPM ialah skim yang membolehkan akses cepat dan mudah kepada pembiayaan perniagaan sehingga RM50,000 tanpa cagaran daripada bank peserta. Sejak SPM diperkenalkan pada tahun 2006, landskap kewangan mikro telah berkembang pesat. Sebelum tahun 2006, hanya Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) yang menyediakan pembiayaan mikro. Setakat tahun 2021, sebanyak 11 bank menawarkan pembiayaan mikro melalui SPM. Pasaran ini juga kini lebih berdaya saing dengan kemasukan peserta baharu, seperti pemberi pinjaman wang digital, yang boleh memberikan tawaran nilai yang menarik kepada perusahaan mikro. Berikutan perkembangan ini, Bank akan memulakan kajian semula yang menyeluruh ke atas SPM bagi memastikan SPM kekal sebagai alat pembiayaan yang relevan dan berkesan. Hal ini termasuk penilaian ke atas ciri-ciri SPM yang sedia ada dan jurang akses, seperti untuk pekerja tidak formal dan pekerja sambilan (*gig workers*). Pada masa yang sama, kerjasama dengan CGC dan SJPP juga akan diperkukuh bagi meningkatkan lagi akses usahawan mikro kepada pembiayaan, termasuk melalui penubuhan skim jaminan portfolio yang dipermudahkan.

- Bank juga akan menyokong **program yang melangkaui penyelesaian kewangan** untuk membantu perusahaan mikro bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai. Tumpuan akan diberikan pada usaha meningkatkan pemformalan perniagaan melalui prosedur pendaftaran masuk yang ringkas, mudah dan lancar, memudahkan proses memadankan perniagaan melalui platform penawaran dan permintaan, membina daya tahan perusahaan mikro dan seterusnya menaikkan taraf perniagaan mikro untuk menjadi perusahaan yang lebih besar dan boleh memanfaatkan pelbagai produk yang ditawarkan dalam sistem kewangan. Program-program ini akan dipelopori melalui penubuhan modul pendidikan kewangan dan program bina upaya berstruktur, seperti bimbingan dan bantuan khidmat nasihat perniagaan, oleh AKPK dan FEN.



Strategi 1C
Memastikan peranan pengantaraan kewangan berdaya tahan selepas pandemik

Asas institusi dan pasaran kewangan Malaysia yang kukuh telah bertindak sebagai penyerap kejutan bagi ekonomi, dengan memastikan perniagaan dan isi rumah terus mendapat akses kepada kewangan walaupun dalam keadaan ekonomi yang mencabar.

Strategi Bank akan disasarkan ke arah memastikan fungsi pengantaraan kewangan terus berdaya tahan dan berkesan pada masa hadapan. Dalam meneruskan usaha ini, Bank akan merujuk iktibar yang diperoleh semasa menguruskan krisis pada masa lalu. Selain itu, Bank juga akan menggalakkan penggunaan produk insurans dan takaful yang lebih baik, serta meningkatkan pengaturan penyeliaan terhadap entiti utama yang menyediakan kewangan.

Memandangkan keadaan dalam pasaran kewangan dijangka kekal mencabar pada masa hadapan, Bank akan terus memastikan mudah tunai yang mencukupi dan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing dan wang. Bank juga meletakkan sasaran untuk memastikan pasaran kewangan tidak meningkatkan risiko terhadap kestabilan kewangan, dengan menambah baik rangka kerja tadbir urus dan akauntabiliti untuk peserta pasaran.

Bagi tujuan ini, Bank akan melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

i. Memelihara keupayaan pendanaan dalam jangka panjang; dan
ii. Memperkukuh pasaran kewangan yang memberangsangkan dan berdaya tahan untuk bertindak sebagai penyerap risiko.



i Memelihara keupayaan pendanaan dalam jangka panjang

- Bank akan terus bekerjasama rapat dengan industri kewangan untuk memantapkan **tindak balas pengurusan krisis** bagi memberikan bantuan yang lebih baik kepada mereka yang memerlukan. Berdasarkan pengalaman Krisis Kewangan Asia (AFC), Malaysia telah menyediakan mekanisme penstrukturan semula hutang perniagaan yang kukuh. Ini termasuk mekanisme penyelamat untuk perniagaan yang dibenarkan oleh mahkamah di bawah Akta Syarikat 2016 dan platform luar mahkamah seperti CDRC dan SDRS. Sejak AFC, bank-bank juga telah meningkatkan keupayaan mereka dengan ketara dalam menguruskan dan menyelesaikan hutang, termasuk hutang dengan pemberi pinjaman yang berbilang. Pada masa hadapan, Bank akan terus mengukuhkan dan menyokong pengaturan penstrukturan semula hutang yang lebih menyeluruh. Usaha ini termasuk menerima pelaburan ekuiti atau yang seumpama ekuiti bagi membantu perniagaan berdaya maju yang mempunyai leveraj yang tinggi. Memandangkan kebanyakan tindak balas dasar telah tertumpu pada pemberian kredit, perniagaan bermasalah yang menghadapi kekurangan pendapatan dibebani dengan hutang tambahan, lantas meningkatkan risiko ketaksolvenan. Penukaran hutang kepada ekuiti akan membantu mengurangkan tahap penggearan perniagaan ini dan memberikan peluang kedua kepada perniagaan yang berdaya maju untuk pulih.

- Bank akan menggalakkan tawaran **penyelesaian insurans dan takaful** yang lebih banyak bagi mengurangkan risiko yang ditanggung oleh penyedia kewangan dan syarikat. Industri insurans dan takaful, termasuk penanggung insurans semula dan penyedia takaful semula, boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pengantaraan kewangan yang berkesan, melalui pemindahan risiko dan penggemblengan dana. Oleh itu, Bank akan bekerjasama dengan industri untuk mempelbagaikan lagi dan meningkatkan penyelesaian perlindungan risiko dalam bidang-bidang yang berikut:

  - Pertama, Bank akan memudahkan tawaran penyelesaian **perlindungan kredit perdagangan**. Tatkala Bank berusaha meningkatkan instrumen kewangan berasaskan perdagangan dalam pasaran, Bank mengakui risiko yang terdedah kepada syarikat, terutamanya PKS, timbul daripada barangan dan perkhidmatan yang tidak berbayar. Risiko ini selalunya boleh menyebabkan kerugian kewangan bahkan ketaksolvenan. Bank percaya bahawa penanggung insurans dan pengendali takaful boleh mengurangkan risiko ini melalui tawaran produk perlindungan kredit perdagangan, dan seterusnya, membantu syarikat-syarikat ini menguruskan operasi dan pelaburan mereka dengan lebih baik bagi menjamin pertumbuhan. Dalam hal ini, Bank akan bekerjasama dengan industri dan agensi kerajaan yang berkaitan untuk menangani kekangan utama terhadap pertumbuhan perlindungan kredit perdagangan, seperti kos yang tinggi, kapasiti teknikal pengunderaitan yang rendah, dan kesedaran pasaran yang rendah berkaitan produk tersebut.

- Kedua, Bank akan menggalakkan tawaran **produk insurans dan takaful yang khusus** dengan meningkatkan kepakaran dan kapasiti domestik untuk menguruskan risiko dalam bidang pertumbuhan yang sedang pesat berkembang, seperti dalam projek tenaga boleh diperbaharui. Penyelesaian perlindungan ini dijangka membantu syarikat-syarikat meningkatkan pendedahan mereka kepada bidang ini dengan mengurangkan risiko yang boleh menjejaskan perniagaan. Dalam kes projek tenaga boleh diperbaharui misalnya, penyelesaian yang ditawarkan ini termasuk perlindungan kepada syarikat terhadap kelemahan kejuruteraan dan untuk pengangkutan peralatan penjanaan kuasa. Penyelesaian ini akan membantu memacu lebih banyak pelaburan ke dalam bidang dan projek yang penting, dan seterusnya menyokong aspirasi transformasi ekonomi negara.

- Ketiga, Bank akan bekerjasama dengan **industri insurans semula dan takaful semula** supaya industri ini menyokong keperluan kepelbagaian risiko pasaran insurans dan takaful domestik. Dalam hal ini, Bank akan menggalakkan kapasiti insurans semula dan takaful semula yang mencukupi, terutamanya dalam bidang perlindungan kritikal yang menyokong pertumbuhan ekonomi serta daya tahan isi rumah dan perniagaan. Seterusnya, Bank percaya bahawa usaha ini juga akan menyokong aspirasi Malaysia menjadi hab insurans semula dan takaful semula serantau.

- Bank juga akan meningkatkan pengawasan dan menggalakkan **pengaturan pengawasan yang lebih kukuh terhadap peserta bukan bank**, khususnya dana pencen dan kumpulan wang simpanan, serta entiti seumpama institusi pengambilan deposit yang penting dari segi sistemik. Memandangkan landskap pengantaraan kewangan terus dipelbagaikan melangkaui sektor perbankan dan mencakupi peserta bukan bank dengan model perniagaan dan profil risiko yang berbeza, pendekatan yang tangkas dan menyeluruh terhadap pengurusan risiko diperlukan untuk mengurangkan sebarang kejutan negatif yang boleh menjejaskan integriti dan fungsi pengantaraan kewangan yang berkesan. Dalam hal ini, Bank akan bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan utama, seperti SC bagi meningkatkan pengawasan terhadap para peserta bukan bank ini supaya tindakan pencegahan dan pembetulan boleh diambil tepat pada masanya untuk menangani sebarang peristiwa risiko.

ii Mengukuhkan pasaran kewangan yang memberangsangkan dan berdaya tahan untuk bertindak sebagai penyerap risiko

Bagi mengurangkan volatiliti yang berlebihan dalam sistem kewangan global, Bank akan terus meningkatkan peranan pengurangan risiko pasaran kewangan domestik dengan meningkatkan mudah tunai pasaran dan daya tahan terhadap kejutan

- Bank akan menggalakkan **pasaran kewangan tempatan yang cair dan memberangsangkan** dengan memberikan tumpuan pada strategi yang akan meningkatkan peranan kitaran balas pasaran, menangani keperluan sektor benar dan meningkatkan keupayaan untuk pengurusan risiko yang berkesan. Untuk mencapai matlamat ini, Bank akan melaksanakan tiga strategi utama:

  - Pertama, Bank akan meningkatkan **keluasan dan kedalaman pasaran kewangan** untuk meningkatkan keupayaannya bagi mengurus kejutan luaran serta memenuhi keperluan ekonomi domestik dan antarabangsa.

    Bank akan terus menggalakkan penggunaan **urus niaga bercagar** yang lebih meluas dalam pasaran wang domestik, terutamanya untuk memperdalamkan pasaran perjanjian pembelian semula (repo) domestik. Urus niaga repo bukan sahaja mempelbagaikan kebolehcapaian pembiayaan untuk peserta dalam seluruh sistem, tetapi juga membolehkan peruntukan dana yang lebih mantap dan cekap merentas tempoh matang dalam pasaran wang. Bagi tujuan ini, Bank akan meneruskan usaha untuk memperluaskan lagi kepelbagaian pelabur dalam pasaran repo serta pasaran peminjaman dan pemberian pinjaman sekuriti untuk menampung lebih banyak peserta bukan perbankan, seperti syarikat insurans dan syarikat besar.

Sebagai satu lagi bidang tumpuan, Bank akan mempergiat usaha membangunkan **pasaran derivatif dalam negeri** termasuk produk derivatif kadar faedah bagi meningkatkan mudah tunai pasaran dan volum urus niaga. Usaha ini dijangka dapat menggalakkan pembangunan dan penggunaan kadar rujukan alternatif berasaskan urus niaga bagi Malaysia, sejajar dengan inisiatif pembaharuan penanda aras kewangan global.

Bank juga akan meningkatkan penggunaan teknologi untuk menambah baik keadaan **mudah tunai dan ketelusan harga** dalam pasaran dalam negeri. Bagi tujuan ini, Bank menjangkakan bahawa penggunaan platform dagangan elektronik yang lebih luas oleh peserta pasaran dalam negeri akan menambah baik lagi penentuan harga dan menyediakan pelaksanaan yang cekap. Bank juga akan menerima pakai teknologi yang relevan untuk meningkatkan kecekapan pelaporan kawal selia dalam pasaran pertukaran asing, pasaran bon dan pasaran wang bagi membolehkan penilaian, pemantauan serta penyebaran maklumat yang berkesan berkaitan dengan pertambahan risiko dalam pasaran kewangan.

Selain itu, Bank akan menyokong **amalan pengurusan risiko** yang lebih meluas dalam kalangan perniagaan pemastautin, serta penyertaan kumpulan pelabur yang lebih luas dalam pasaran derivatif. Usaha ini akan disokong oleh penilaian dan penambahbaikan yang berterusan terhadap dasar Bank untuk memberikan fleksibiliti kepada perniagaan, di samping menggalakkan penggunaan lindung nilai hadapan pertukaran asing dalam kalangan sektor korporat dan pelabur institusi portfolio domestik. Inisiatif bagi meningkatkan lagi iklim pelaburan dan kecekapan perniagaan bertujuan untuk mengukuhkan lagi daya tarikan kedudukan Malaysia dalam rantaian bekalan global, selain memupuk persekitaran yang kondusif untuk pelaburan langsung asing (*foreign direct investment, FDI*).

Bagi mengukuhkan lagi daya tahan pasaran kewangan Malaysia untuk menghadapi sebarang kejutan pada masa hadapan, Bank akan **memperluas pengaturan jaring keselamatan**. Bagi mencapai matlamat ini, Bank akan meneruskan usaha pengaturan pertukaran dua hala strategik dengan bank-bank pusat serantau, serta meningkatkan pengaturan jaring keselamatan dua hala dan pelbagai hala yang sedia ada.

Bank juga akan terus menggalakkan mudah tunai dalam **pasaran bon dan sukuk alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*Environmental, Social and Governance*, ESG)** domestik, dengan memastikan penjajaran dengan aspirasi pembangunan lestari nasional dan memenuhi permintaan pelabur antarabangsa bagi produk kewangan berkaitan ESG. Secara dasarnya, langkah ini juga dijangka menjadi pemangkin bagi ekosistem pelaburan ESG yang mendalam serta mantap.

- ☐ Kedua, Bank berusaha mengekalkan **kepimpinan Malaysia dalam kewangan Islam** melalui inisiatif untuk memperdalam pasaran wang dan modal Islam.

- ☐ Akhir sekali, Bank akan mengukuhkan lagi **integriti dan profesionalisme** dalam pasaran kewangan Malaysia, dengan mendukung standard dan amalan tertinggi. Bagi tujuan ini, Bank akan menyokong peranan peserta pasaran yang lebih aktif dalam membentuk **tingkah laku dan amalan terbaik** pasaran kewangan. Dalam hal ini, kod tingkah laku pasaran borong yang menetapkan prinsip dan standard yang perlu dipatuhi oleh peserta pasaran dalam pasaran wang dan pertukaran asing akan dikaji semula dan dikemas kini secara berterusan, selaras dengan standard global.

- ■ Bank juga akan terus meningkatkan integriti dan kebolehpercayaan **penanda aras pasaran kewangan domestik Malaysia**, selaras dengan saranan Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board, FSB). Hal ini termasuk menjalankan kajian semula secara berkala bagi memastikan kadar penanda aras kewangan kekal kukuh dan mencerminkan pasaran asas yang aktif.